Pentadbiran Akta

Bank Negara Malaysia memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan dalam membangunkan industri takaful seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan. Bagi tujuan ini, Bank Negara Malaysia pada tahun 2003 mengkaji semula rangka kerja Syariah bagi industri takaful dan menetapkan aset baru sebagai aset Malaysia dibenarkan.

Perkembangan dalam Rangka Kerja Perundangan

Mewujudkan Rangka Kerja Perundangan yang Sesuai

Pada bulan Jun 2003, Bank Negara Malaysia menubuhkan Jawatankuasa Kajian Semula Undang-undang yang dianggotai oleh wakil daripada Jabatan Peguam Negara, Peguamcara Perbendaharaan, Majlis Peguam Malaysia, peserta-peserta industri dan pengamal undang-undang. Jawatankuasa ini akan mengkaji semula undang-undang urus niaga komersil sedia ada dan membuat syor kepada pihak berkuasa yang berkenaan mengenai pindaan-pindaan yang perlu bagi melicinkan pelaksanaan urus niaga kewangan yang berlandaskan prinsip Syariah. Kajian semula ini termasuk undang-undang percukaian dan duti setem, undang-undang syarikat, kanun tanah, dan undang-undang prosedur.

Mempertingkatkan Rangka Kerja Penyelesaian Pertikaian

Satu perkembangan utama dalam rangka kerja penyelesaian pertikaian adalah pembentukan sebuah Mahkamah Tinggi di bawah Bahagian Komersil Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi mendengar kes-kes muamalat berikutan syor Bank Negara Malaysia berhubung perkara ini kepada badan Kehakiman. Hakim Besar Malaya juga telah mengeluarkan arahan kepada pegawai kehakiman bagi mendaftar kes-kes muamalat termasuk perbankan dan kewangan Islam di semua Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah dengan menggunakan nombor kod khas. Langkah-langkah ini akan mempercepatkan perbicaraan kes-kes perbankan dan kewangan Islam dan meningkatkan keyakinan awam pada perbankan dan kewangan Islam.

Sebagai saluran penyelesaian pertikaian alternatif kepada sistem mahkamah, Bank Negara Malaysia akan memperkenalkan rangka kerja timbang tara untuk industri. Timbang tara dianggap sebagai mekanisme yang sesuai bagi menyelesaikan pertikaian, khususnya bagi perlindungan takaful risiko besar dalam perniagaan takaful am. Pihak-pihak yang terlibat boleh melantik penimbang tara yang mempunyai kepakaran khusus dalam kes yang dipertikaikan. Secara relatifnya, ia menawarkan penyelesaian yang lebih cepat berbanding proses mahkamah, di samping memberi kebebasan kepada pihak terbabit dalam memilih undang-undang, prosedur dan bahasa dalam prosiding.

Dalam perkembangan berkaitan, Bank Negara Malaysia mengambil inisiatif bagi menubuhkan Biro Pengantaraan Kewangan (BPK) sebagai sebuah pusat pengantaraan tunggal untuk industri perbankan dan insurans dengan menggabungkan dua biro pengantaraan yang sedia ada. Bank-bank Islam dan pengendali-pengendali takaful turut menganggotai BPK. Ini membolehkan industri takaful mempertingkatkan kecekapan khidmat pelanggan dalam menyelesaikan aduan orang awam dengan segera pada kos yang rendah.

Memperkukuh Rangka Kerja Syariah

Bank Negara Malaysia memperkukuh peranan dan fungsi Majlis Penasihat Syariahnya (MPS) menerusi pindaan ke atas Akta Bank Negara Malaysia 1958. Pindaan tersebut menaikkan taraf MPS sebagai badan yang mempunyai kuasa mutlak dalam aspek Syariah bagi perniagaan perbankan Islam dan takaful. Di bawah fungsi baru ini, pihak mahkamah dan penimbang tara dikehendaki merujuk isu-isu Syariah dalam kes perbankan Islam dan takaful kepada MPS untuk keputusan. Berikutan itu, keperluan di bawah Akta Takaful 1984 supaya pengendali takaful menubuhkan Majlis Pengawasan Syariahnya sendiri yang berfungsi secara bebas daripada MPS telah dipinda. Pengendali takaful dikehendaki menubuhkan badan penasihat Syariah, dikenali sebagai Jawatankuasa Syariah, yang akan merujuk kepada MPS bagi mendapatkan keputusan

Syariah. Sejajar dengan perkembangan ini, Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan satu garis panduan yang lengkap berkenaan urus tadbir Jawatankuasa Syariah yang menetapkan struktur, keanggotaan, tugas dan tanggungjawabnya.

Perkembangan dalam Rangka Kerja Penyeliaan

Pemeriksaan dan Pemantauan ke atas Industri

Bank Negara Malaysia menjalankan pemeriksaan di premis dan pemantauan di luar premis secara berkala ke atas pengendali takaful bagi memastikan pemantauan yang berkesan dalam pengurusan perniagaan takaful. Sejajar dengan iltizam bagi mencapai dan mengekalkan mutu prosedur penyeliaan dan pemeriksaan yang tinggi, Jabatan Penyeliaan Insurans berjaya mencapai pensijilan ISO 9001:2000 Sistem Pengurusan Mutu pada bulan Disember 2003.

Dalam tahun kajian, pemeriksaan yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia memberi tumpuan pada urus tadbir korporat dan amalan pasaran, kawalan dalaman, sistem pengurusan risiko dan langkah-langkah pencegahan pengubahan wang haram. Bank Negara Malaysia juga telah memperkenalkan Rangka Kerja Tindakan Penguatkuasaan Tidak Formal bagi memastikan industri mengambil langkah-langkah awal dan pembetulan yang berkesan. Melalui rangka kerja ini, tindakan penguatkuasaan tidak formal boleh diambil oleh Bank Negara Malaysia berdasarkan pada keseriusan penemuan-penemuan negatif dalam laporan pemeriksaan. Tindakan penguatkuasaan ini termasuk menghendaki pengendali takaful mengemukakan Komitmen secara bertulis, Resolusi Lembaga Pengarah atau Surat Aku Janji kepada Bank Negara Malaysia bagi menangani semua isu dan hal yang memerlukan perhatian.

Berdasarkan pemantauan yang dilakukan pada tahun ini, beberapa pengendali takaful didapati tidak mematuhi keperluan yang ditetapkan bagi pelaburan kumpulan wang takaful berikutan kekurangan instrumen kewangan Islam yang dibenarkan. Bagi membolehkan pengendali takaful mematuhi keperluan ini, langkah-langkah telah diambil dengan penyenaraian aset baru sebagai aset Malaysia dibenarkan. Penyenaraian aset Malaysia yang baru ini diwartakan pada bulan Januari 2003 sebagai Peraturan Takaful (Institusi Kewangan, Pinjaman dan Pelaburan yang Ditetapkan) 2003. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia mengeluarkan surat pekeliling kepada industri bagi menetapkan kategori sekuriti hutang swasta dan kemudahan pembiayaan secara Islam yang layak sebagai aset dibenarkan. Butiran utama penetapan dalam surat pekeliling ini dijelaskan dalam bab **Dasar dan Perkembangan**.

Membangunkan Langkah-langkah Pencegahan Pengubahan Wang Haram

Bank Negara Malaysia menghendaki pengendali takaful mewujudkan penyataan dan dasar korporat, dan mengguna pakai program audit dalaman khusus berkaitan pencegahan pengubahan wang haram bagi memastikan penguatkuasaan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001. Pengendali takaful dikehendaki melantik pegawai-pegawai pematuhan, menjalankan program latihan yang tersusun dan mematuhi prosedur dan manual operasi. Persatuan Takaful Malaysia juga sedang membangunkan piawaian minimum bagi rangka kerja pematuhan pencegahan pengubahan wang haram bagi industri.